

ASMADI Hassan
ROHAYATI Paidi
Universiti Malaya

GERAKAN PENENTANGAN PEMINDAHAN MCAS FUTENMA KE HENOKO DI OKINAWA, JEPUN OLEH ALL OKINAWA COUNCIL

THE OPPOSITION MOVEMENT OF THE TRANSFORMATION OF MCAS FUTENMA TO HENOKO IN OKINAWA, JAPAN BY ALL OKINAWA COUNCIL

Artikel ini membincangkan tentang All Okinawa Council (Shimagurumi Kaigi: AOC) iaitu kumpulan pendesak dengan keahliannya yang terdiri daripada penduduk tempatan, kesatuan sekerja, parti politik, pertubuhan perniagaan, kumpulan wanita dan belia serta pelbagai kumpulan sivil lain di Okinawa. Kumpulan ini bersifat setempat kerana ditubuhkan di Okinawa untuk menentang pemindahan pangkalan tentera Amerika Syarikat, Marine Corps Air Station Futenma (MCAS Futenma) yang terletak di Ginowan ke Henoko iaitu dua buah bandar di prefektur tersebut. Sebagai ganti, mereka mendesak supaya pangkalan tentera tersebut dipindah keluar dari Okinawa. Bagaimana kumpulan ini mencapai matlamat mereka? Artikel ini membincangkan pergerakan yang dilakukan untuk mencapai matlamat perjuangan mereka. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen bersumberkan laporan penyelidikan, akhbar dan laman sesawang. Artikel ini mendapati bahawa AOC menyebarluaskan ketidakadilan yang berlaku terhadap mereka supaya diketahui oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Caranya adalah melalui berdemonstrasi, membuat petisyen, perundangan, lawatan keluar negara dan sebagainya. Kesan dari aktiviti ini ialah melambatkan pembinaan pangkalan tentera tersebut dan diharapkan pada suatu hari nanti atas usaha yang berterusan akan membawa hasil dengan pemindahan keluar MCAS Futenma dari Okinawa dan bukannya di Henoko.

Kata kunci: All Okinawa Council, MCAS Futenma, Ginowan, Henoko, kumpulan pendesak

This article is to discuss the All Okinawa Council (Shimagurumi Kaigi:AOC), a pressure group with members comprising of local citizens, trade unions, political parties, business organizations, women and youth as well as various civilian groups in Okinawa. The local group based in Okinawa was established to oppose the

transformation of US military base, Marine Corps Air Station Futenma (MCAS Futenma) located in Ginowan to Henoko, two cities in the prefecture. The group demanded the military base to be moved out of Okinawa instead of Henoko. How does this group achieve their goals? This article discusses the ways taken to achieve their goal. This research adopted qualitative method through document analysis such as reports, newspapers dan websites. This article found that the AOC has been disseminating the injustice issues on Okinawa citizens to locally and internationally. This was through demonstrations, petitions, legislations, overseas visits and more. The effect of this activities were to delay the construction of the military base and it is hoped that eventually the MCAS Futenma would be removed from Okinawa.

Keywords: All Okinawa Council, MCAS Futenma, Ginowan, Henoko, pressure group

Pengenalan

Terdapat banyak kumpulan pendesak di Jepun yang berperanan menekan kerajaan bagi mencapai matlamat masing-masing. Mereka mendesak melalui kekuatan yang dimiliki seperti kuasa mengundi dalam pilihan raya atau sumber kewangan.¹ Sekiranya tuntutan tidak diturut akan memungkinkan penarikan balik sokongan undi atau kewangan yang selama ini disumbangkan.² Terdapat kumpulan pendesak berhaluan kanan yang matlamat patriotik, iaitu untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah negara yang bebas, disegani dan dihormati di mata dunia. Kumpulan ini bersedia untuk mempertahankan negara dari kritikan dari dalam dan negara luar seperti isu-isu yang berkaitan buku teks, wanita pelayan kepada tentera Jepun, buruh paksa semasa Perang Pasifik, lawatan pegawai kerajaan ke Kuil Yasukuni dan tuntutan bertindih di Dokdo/Takeshima dan Diaoyu/Senkaku. Antara contoh kumpulan tersebut adalah seperti Japan Association of Bereaved Family (Nippon Izokukai), Japan Conference (Nippon Kaigi), Military Pension Federation (Gunjin Onkyu Renmei: MPF), Association of Shinto Shrine (Jinja Honcho) dan sebagainya.³ Terdapat juga kumpulan yang berpendirian bertentangan, iaitu pro kepada negara sosialis dan mempertahankan hak-hak asasi manusia, demokrasi, pengekalan perlembagaan damai Perkara 9 yang diperkenalkan oleh pihak pendudukan Amerika Syarikat.⁴ Antara kumpulan ini adalah seperti pertubuhan buruh yang menyokong Parti Komunis Jepun, Parti Sosial Demokratik, akhbar Asahi Shimbun dan sebagainya.⁵

Artikel ini membincangkan tentang AOC iaitu kumpulan pendesak dengan keahliannya yang terdiri daripada penduduk tempatan, kesatuan

sekerja, parti politik, pertubuhan perniagaan, kumpulan wanita dan belia serta pelbagai kumpulan sivil lain di Okinawa.⁶ Kumpulan ini bersifat setempat kerana ditubuhkan di Okinawa untuk menentang pemindahan pangkalan tentera Amerika Syarikat, MCAS Futenma yang terletak di Ginowan ke Henoko iaitu dua buah bandar di prefektur tersebut. Sebagai ganti, mereka mendesak supaya pangkalan tentera tersebut dipindah keluar dari Okinawa. Bagaimana kumpulan ini mencapai matlamat mereka? Artikel ini membincangkan pergerakan yang dilakukan untuk mencapai matlamat perjuangan dengan membahagikan kepada perundangan, demonstrasi dan kerjasama penduduk tempatan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun pada bahagian awal akan dibincangkan tentang latar belakang mengapa wujudnya pergerakan sedemikian.

Ulasan Karya

Pengkajian tentang Okinawa dan kehadiran pangkalan tentera telah dilakukan oleh penyelidik seperti George Feifer⁷ dan Asmadi Hassan dan Rohayati Paidi.⁸ Walau bagaimanapun pengkajian berkaitan pergerakan penentangan rakyat, terutamanya oleh AOC dalam pemindahan MCAS Futenma adalah masih berkurangan dan tidak secara komprehensif dilakukan. Antaranya adalah yang dilakukan oleh Pilsu Jin⁹ dan Hideki Yoshikawa.¹⁰ Asmadi Hassan dan Rohayati Paidi contohnya dalam artikel bertajuk “The Issue of the Marine Corps Air Station Futenma’s Relocation during the Administration of the Democratic Party of Japan (DPJ)” membincangkan tentang Okinawa di bawah pentadbiran baharu DPJ (2009-2012) yang mengalah parti kerajaan terdahulu Parti Liberal Demokratik (LDP). Artikel ini memfokuskan janji DPJ pada pilihan raya Dewan Rendah tahun 2009 untuk memindahkan MCAS Futenma keluar dari Okinawa sekiranya memenangi pilihan raya. DPJ yang terdesak untuk memenangi pilihan raya menjanjikan perkara yang sukar direalisasikan. Manakala penduduk pula yang telah lama mahukan pemindahan keluar pangkalan tentera menyokong parti tersebut. Walau bagaimanapun apabila memenanginya, mereka tidak mengotakkan janji, sebaliknya mengekalkan pelan pemindahan pangkalan tersebut di Henoko. Ini telah membangkitkan kemarahan penduduk di prefektur tersebut.

Manalala berkaitan pergerakan AOC pula, Pilsu Jin dalam artikelnya bertajuk “The ‘All Okinawa’ Movement: Political and Legal Implications of the Okinawan Protest against the US Bases” meneroka pergerakan AOC yang memasuki fasa baharu sejak tahun 2014. Pentadbiran Perdana Menteri Shinzo Abe mengenakan pendekatan kekerasan untuk menjayakan matlamat pemindahan pangkalan tentera. Walau bagaimanapun beliau telah mendapat tindak balas yang mengejutkan dari penduduk yang diketuai oleh gabenor Takeshi Onaga dan AOC. Kajian Pilsu Jin mendapati bahawa AOC pada fasa ini menggunakan hujahan hak autonomi kerajaan tempatan Okinawa untuk menentukan hala tuju prefektur mereka. Antaranya adalah dengan menarik

balik kebenaran pembinaan pangkalan tentera yang diluluskan oleh gabenor sebelum ini iaitu Hirokazu Nakaima.

Manakala Hideki Yoshikawa dalam artikelnya bertajuk “Okinawa Update: Opposition to the Construction of a New U.S. Base at Henoko and the Responsibility of the U.S.” membincangkan tentang masalah Okinawa dan pertelingkahan antara kerajaan pusat Jepun dan Amerika Syarikat pada satu pihak dengan kerajaan tempatan Okinawa dan rakyatnya di satu pihak yang lain. Artikel ini menekankan kepada pendirian AOC untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh Okinawa berikutan kehadiran pangkalan tentera Amerika Syarikat. Oleh kerana penulis artikel ini merupakan aktivis anti-pangkalan tentera maka kandungan artikel ini adalah lebih berpihak kepada menolak usaha kerajaan pusat untuk memindahkan pangkalan tentera ke Henoko dan menghujahkan tentang ketidakadilan ke atas Okinawa.

Dari ulasan karya di atas dapat dikatakan bahawa artikel-artikel berkaitan masalah di Okinawa dan penentangan penduduk tidak dijalankan secara komprehensif. Asmadi dan Rohayati membincangkan tentang parti politik dan janji-janji pilihan raya yang tidak dapat ditunaikan. Manakala Pilsu Jin membincangkan tentang penggunaan hak autonomi kerajaan tempatan Okinawa untuk menentukan hala tuju prefektur mereka. Pendekatan secara perundangan ditekankan dalam artikel ini. Manakala Yoshikawa yang terkenal sebagai aktivis anti-pangkalan tentera menekankan dari perspektif pertubuhan tersebut yang menunjukkan mereka berada di pihak yang betul dan pemindahan pangkalan tertera ke Henoko perlu dibatalkan. Terdapat kekurangan dari ketiga-tiga artikel ini dari segi isi kandungan yang kurang komprehensif, tidak terkini dan perspektif yang sempit. Manakala artikel yang dibincangkan oleh penulis adalah lebih komprehensif, terkini dan dari sudut pandangan yang luas.

Latar Belakang

Rancangan pemindahan MCAS Futenma dari Ginowan ke Henoko adalah hasil tindak balas peristiwa rogol pelajar Jepun berusia 12 tahun oleh tiga orang askar Amerika Syarikat di Okinawa pada tahun 1995. Penduduk yang berang dengan peristiwa tersebut mengadakan demonstrasi besar-besaran dengan seramai 85,000 orang mendesak supaya pangkalan tentera Amerika Syarikat dipindah keluar dari Okinawa.¹¹ Penduduk juga menganggap jenayah tersebut sebagai akibat yang tidak dapat dielakkan berikutan kehadiran terlalu banyak pangkalan tentera Amerika Syarikat di sana. Walaupun keluasan Okinawa hanya mencakupi 0.6 peratus dari keseluruhan Jepun, tetapi perlu menanggung 32 buah pangkalan tentera Amerika Syarikat atau 75 peratus keseluruhan di sana.¹² Ini bersamaan 20 peratus keluasan Okinawa diduduki oleh pangkalan tentera Amerika Syarikat. Tambahan lagi seramai 50,000 warga Amerika Syarikat yang terdiri dari 24,000 tentera dan keluarga mereka tinggal bersama dengan 1.38 juta penduduk Okinawa.¹³

Bukan itu sahaja, sebelum ini banyak peristiwa lain yang menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk Okinawa terhadap pangkalan tentera Amerika Syarikat. Contohnya pengambilan tanah secara *bayonets and bulldozers* iaitu cara kekerasan bagi membina pangkalan tentera yang menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat yang kehilangan tanah. MCAS Futenma juga telah lama dilabelkan sebagai “bencana yang sedang menunggu” kerana terletak di tengah-tengah bandar berpenduduk padat di Ginowan. Aktiviti penerbangan dan pendaratan kapal terbang dan helikopter tentera terdedah kepada kemalangan yang membahayakan orang awam. Sebagai tambahan penduduk juga terdedah kepada pencemaran bunyi yang keterluuan dari aktiviti ketenteraan.¹⁴ Kajian pencemaran bunyi yang diakibatkan oleh aktiviti ketenteraan oleh *weighted equivalent continuous perceived noise level* (WECPNL) mendapati bahawa bunyi yang dihasilkan adalah lebih tinggi daripada keretapi bawah tanah.¹⁵ Malahan mahkamah tinggi pernah menjatuhkan hukuman ke atas kerajaan pusat supaya membayar pampasan sebanyak 369 juta yen kepada 390 orang penduduk yang terjejas dengan bunyi sekitar pangkalan tentera tersebut.¹⁶

Sebagai penyelesaian kepada ketidakpuasan hari penduduk, kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun menubuhkan Special Action Committee on Okinawa (SACO) pada April 1996. Matlamat utama penubuhan jawatankuasa khas ini adalah untuk membincangkan pengurangan beban pangkalan tentera yang ditanggung Okinawa termasuk MCAS Futenma.¹⁷ Persetujuan dicapai untuk memindahkan pangkalan tentera tersebut ke Henoko kerana berpenduduk kurang padat berbanding Ginowan. Walau bagaimanapun sebaik sahaja rancangan tersebut diumumkan, penduduk Okinawa mula menentang kerana ia tidak mengurangkan jumlah pangkalan tentera sedia ada. Mereka mendesak supaya MCAS Futenma dipindah keluar dari Okinawa ke pulau-pulau lain di Jepun atau ke negara lain. Penentangan penduduk Okinawa berterusan sejak dari awal perancangan pemindahan sehingga ke hari ini walaupun kerajaan pusat menawarkan pelbagai ganjaran sekiranya mereka menerima pemindahan pangkalan tentera tersebut. Contohnya adalah membawa pelbagai projek mega ke Nago iaitu bandar utama di Henoko untuk memenangi hati rakyat. Nago telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan yang diadakan pada tahun 2000. Sejarah dengan status tuan rumah, kemudahan prasarana moden dibina di bandar tersebut bagi menerima perwakilan dari lapan buah negara termaju dunia. Hasilnya pada tahun 1999 Gabenor Okinawa, Keiichi Inamine dan Datuk Bandar Nago, Tateo Kishimoto bersetuju dengan rancangan pembinaan pangkalan tentera di Henoko dengan kelengkapan landasan mendarat dan berlepas sepanjang 2,000 meter dari lautan. Selain itu projek 10 tahun Northern Okinawa Promotion Special Measures bernilai 100 bilion yen dilancarkan pada tahun 2000 untuk kerja awam seperti pembinaan infrastruktur dan kemudahan lain.¹⁸

Mengapa Menentang?

Terdapat dua sebab utama yang mendesak supaya MCAS Futenma dipindah keluar dari Okinawa bukan ke Henoko seperti dirancang oleh kerajaan Jepun dan Amerika Syarikat. Pertama adalah kerana kehadiran pangkalan tentera telah menindas hak kedaulatan dan maruah penduduk Okinawa. Ia merupakan pencabulan terhadap demokrasi, hak asasi dan autonomi tempatan. Okinawa telah lama ditindas dengan pelbagai peristiwa yang terjadi ke atas pulau tersebut. Antaranya adalah Pertempuran Okinawa tahun 1945, tekanan semasa pendudukan Amerika Syarikat tahun 1945 hingga 1972 dan selepas pemulangan Okinawa kepada kerajaan Jepun. Pertempuran Okinawa menyaksikan perperangan antara tentera Amerika Syarikat dengan tentera Imperial Jepun di Okinawa. Walaupun pertempuran berlaku antara kedua-dua pihak, tetapi 149,452 orang penduduk Okinawa yang tidak bersalah telah terkorban atau hilang tanpa dapat dikesan.¹⁹ Selepas perang, Amerika Syarikat menduduki Jepun dan mendapati bahawa Okinawa adalah sangat strategik dari segi strategi ketenteraan, terutamanya peletakan pangkalan tentera bagi mengawas kebangkitan semula ketenteraan Jepun. Selain itu lokasinya berhampiran dengan China dan Korea Utara membolehkan tindakan segera diambil sekiranya Jepun dan Korea Selatan diserang. Kedudukan strategik Okinawa dapat dibuktikan semasa Perang Korea dan Indochina di mana pangkalan tentera di Okinawa digunakan untuk memobilisasi tentera Amerika Syarikat ke negara-negara ini.²⁰ Oleh itu kehadiran tentera Amerika Syarikat penting kepada keselamatan rantau Asia Timur. Pada tahun 1952, apabila Jepun memperoleh kemerdekaan, Okinawa masih lagi kekal sebagai tanah jajahan Amerika Syarikat sehingga tahun 1972. Ketidakpuasan hati dalam kalangan penduduk memuncak kerana diabaikan oleh kerajaan Jepun walaupun kawasan-kawasan lain telah dibebaskan dari pendudukan Amerika Syarikat. Malahan setelah dibebaskan, suara mereka diabaikan apabila pangkalan tentera dikekalkan. Penduduk Okinawa merasakan didiskriminasi apabila terpaksa menanggung beban dari segi pertahanan negara berbanding penduduk di prefektur yang lain di Jepun. Oleh itu mereka mahukan perubahan Okinawa berdasarkan persamaan dari segi hak rakyat di Jepun yang menyebabkan timbul penentangan berterusan penduduk apabila pemindahan MCAS Futenma dari Ginowan ke Henoko dicadangkan.

Malahan pembinaan pangkalan tentera di Henoko ditentang oleh lebih 70 peratus penduduk Okinawa mengikut pelbagai pungutan suara. Pungutan suara oleh Ryukyu Shimpo/Mainichi Shimbun pada Oktober 2009 mendapati 70 peratus penduduk Okinawa berpendirian menentang MCAS Futenma dipindahkan ke dalam Okinawa.²¹ Pada Jun 2016, pungutan suara oleh Ryukyu Shimpo selepas peristiwa rogol dan bunuh seorang wanita Jepun berumur 20 tahun oleh bekas tentera Amerika Syarikat mendapati penentangan telah meningkat kepada 83.8 peratus.²² Manakala pungutan suara oleh Asahi

Shimbun tahun 2019 mendapati 72 peratus penduduk menentang.²³ Peratusan yang tinggi menunjukkan majoriti penduduk tidak bersetuju pemindahan MCAS Futenma ke Henoko sebaliknya keluar dari Okinawa. Mereka menegaskan bahawa penerusan projek pembinaan pangkalan tentera baharu mencabul demokrasi, iaitu bertentangan dengan kehendak majoriti rakyat. Penerusan projek juga tidak menghormati hak autonomi kerajaan tempatan Okinawa seperti diperuntukkan dalam perkara 95 Perlembagaan Jepun yang menetapkan bahawa apa-apa undang-undang khas akan terbatal tanpa persetujuan majoriti penduduk. Tanpa persetujuan penduduk juga, pembinaan pangkalan tentera baharu dianggap sebagai menyalahi undang-undang. Oleh itu kerajaan Jepun perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari gabenor Okinawa sebelum memulakan kerja pembinaan²⁴

Kedua adalah dari segi alam sekitar. Berikutnya perjanjian Bilateral Accord on Aligning U.S. Forces in Japan tahun 2006, yang merupakan persetujuan rasmi untuk memindahkan MCAS Futenma ke Henoko, perancangan baharu telah dibuat. Ianya adalah bagi menggantikan projek landasan lama sepanjang 2000 meter dengan landasan berbentuk V sepanjang 1800 meter dari lautan ke daratan Henoko²⁵ dengan keluasan laut yang ditambah adalah 160 hektar.²⁶ Pada masa yang sama Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dilaporkan pada tahun 2011 mendapati bahawa pembinaan pangkalan baharu tidak memberikan kesan signifikan kepada alam sekitar yang membolehkan kerja-kerja penambakan laut dibuat. Tambahan lagi kajian mendapati bahawa kawasan Henoko juga bukan habitat bagi dugong iaitu hidupan laut terancam yang menjadi alasan utama penentang untuk menghalang kerja-kerja pembinaan pangkalan tentera.²⁷

Walau bagaimanapun Gabenor Okinawa Nakaima mempersoalkan hasil kajian EIA tersebut. Beliau menegaskan bahawa kerja pembinaan pasti akan menyebabkan masalah dari segi pemuliharaan alam sekitar dan ancaman kepada hidupan di situ.²⁸ Pembinaan pangkalan tentera yang memerlukan penambakan laut 21 juta meter kubik pasir dan batu ke dalam laut sudah pasti merosakkan alam sekitar. Manakala kajian yang sama dijalankan oleh NGO, Nature Conservation Society of Japan pada Ogos 2014 mendapati bahawa pada Mei hingga Julai 2014 terdapat 110 jejak dugong yang mencari makanan di sekitar Henoko.²⁹ Manakala menurut laporan penilaian oleh Kementerian Pertahanan Jepun mendapati lebih 260 spesies terancam seperti gamat gergasi, ular dan ketam tinggal di kawasan pembinaan.³⁰ Ini menguatkan lagi hujahan kumpulan penentang untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan pangkalan tentera.

Penentang pembinaan pangkalan tentera juga mengambil pengajaran dari pencemaran alam sekitar dan kehidupan di pangkalan tentera lain di Okinawa yang juga akan berlaku di Henoko. Dokumen yang diperoleh di bawah U.S. Freedom of Information Act menunjukkan telah beberapa puluh tahun pencemaran tanah dan air berlaku dengan bahan kimia berbahaya seperti

arsenik, asbestos dan dioxin dijumpai di pangkalan tentera Amerika Syarikat. Namun pihak berkuasa tentera telah menyembunyikan pencemaran ini yang meletakkan risiko kesihatan tentera, pekerja di pangkalan tentera dan penduduk yang tinggal di kejiranannya tersebut.³¹ Manakala pada Julai 2014 kerajaan Jepun mengeluarkan 88 tong yang mengandungi bahan yang digunakan untuk menghasilkan Agen Oren di kawasan penambakan laut berhampiran pangkalan tentera udara di Kadena.³²

Walau bagaimanapun pada tahun 2013, kerajaan Jepun menggunakan tekanan dan dorongan dengan meningkatkan lagi peruntukan pembangunan Okinawa bagi memujuk ahli politik tempatan mengubah pendirian sebelum ini. Pada 27 Disember 2013 Nakaima yang sebelum ini mempersoalkan tentang risiko pencemaran alam sekitar telah mengubah pendirian dengan memberi kelulusan untuk kerja-kerja penambakan di perairan Henoko. Nakaima yang telah sekian lama mengkritik rancangan pemindahan ke Henoko telah mengubah pendirian apabila Perdana Menteri Shinzo Abe (2012-kini), bersetuju memberi bantuan ekonomi kepada prefektur tersebut sebanyak USD2.9 bilion setiap tahun sehingga tahun 2021 sebagai pertukaran kepada persetujuan tersebut.³³ Sehubungan dengan itu kerajaan pusat mengeluarkan permit kepada Biro Pertahanan Okinawa bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan setelah lebih belasan tahun kedua-dua pihak bersetuju untuk memindahkan pangkalan tentera dari Ginowan ke Henoko.³⁴ Berikutan keputusan Nakaima, penduduk Okinawa meningkatkan penentangan terhadap beliau dan mendesak meletak jawatan.³⁵ Demonstrasi juga diadakan bagi memprotes pengkhianatan Nakaima.

Penubuhan AOC

Desakan berterusan kerajaan pusat Jepun dan Amerika Syarikat untuk memindahkan MCAS Futenma ke Henoko telah menyatakan penduduk Okinawa. Tambahan lagi pentadbiran Shinzo Abe sejak Disember 2012 yang menekan supaya pembinaan pangkalan tentera di Henoko diteruskan menguatkan lagi tentangan rakyat. Walaupun kerajaan pusat menegaskan bahawa rancangan pemindahan ke Henoko adalah satu-satunya penyelesaian kepada kemelut ini,³⁶ tetapi tidak bagi penduduk yang mahukan pangkalan tentera dipindahkan sepenuhnya dari Okinawa. Mereka bersatu di bawah AOC bagi menguatkan lagi penentangan pembinaan pangkalan tentera baharu.

Sejarah penubuhan AOC dapat dijejaki dari hasil tindakan rakyat pada tahun 1997 yang menentang pembinaan pangkalan tentera Amerika Syarikat di Henoko.³⁷ Pergerakan ini menghimpunkan gabenor, ahli parlimen, rakyat, pertubuhan buruh dan peniaga tempatan yang tanpa mengira umur yang secara jelas menentang pembinaan di Henoko.³⁸ Penentangan semakin kuat apabila parti pembangkang terbesar Parti Demokratik Jepun (DPJ) yang menjanjikan pemindahan keluar MCAS Futenma dari Okinawa apabila

mereka memenangi pilihan pada Ogos 2009 tidak menunaikan janji.³⁹ Perdana Menteri DPJ, Yukio Hatoyama (2009-2010) tidak dapat memindahkan keluar kerana risiko keselamatan Jepun yang tergugat sekiranya pemindahan keluar pangkalan tentera dibuat.⁴⁰ Pada masa yang sama ancaman Korea Utara semakin sengit apabila melancarkan beberapa ujian peluru berpandu.⁴¹ Contohnya pada Julai 2006 dan April 2009 apabila Teapodong-2⁴² dan Kwangmyongsong-2⁴³ dilancarkan hingga merentasi Laut Jepun. Walaupun pelancaran peluru berpandu tersebut dianggap gagal, tetapi ancamannya tetap ada terutamanya kepada negara sekutu Amerika Syarikat seperti Jepun dan Korea Selatan⁴⁴ Jepun yang menandatangani perjanjian keselamatan Jepun-Amerika Syarikat pada tahun 1952 perlu kekal dengan perjanjian tersebut untuk terus kekal aman di bawah payung lindungan Amerika Syarikat.⁴⁵ Oleh itu kegagalan Hatoyama menimbulkan kemarahan penduduk dengan 21,000 orang mengadakan demonstrasi pada 8 November 2009 beberapa hari sebelum presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama melawat Jepun.⁴⁶ Demonstras mendesak supaya Hatoyama menutup segera MCAS Futenma dan memindah keluar dari Okinawa disertai pemimpin tempatan seperti Datuk Bandar Naha Takeshi Onaga yang merayu supaya menyelesaikan isu tersebut sebelum kedatangan Obama.⁴⁷

Dalam demonstrasi tersebut dan beberapa siri penentangan yang lain perkataan All Okinawa mula digunakan secara meluas walaupun ia tidak lagi ditubuhkan secara rasmi. Pada 14 Disember 2015, 22 organisasi bersetuju untuk bersatu menubuhan AOC secara rasmi dengan matlamat utama untuk menentang pembinaan pangkalan tentera baharu di Henoko.⁴⁸ Fungsinya adalah bagi menyelaras, merancang dan mengimplementasikan usaha bagi mengurangkan beban yang ditanggung penduduk akibat kehadiran pangkalan tentera Amerika Syarikat di Okinawa.⁴⁹ Persatuan penduduk dan organisasi yang lain kemudiannya diorganisasikan semula supaya menjadi lebih mantap dan sistematik. Secara keseluruhannya AOC adalah kombinasi pergerakan civil bersifat sederhana, progresif dan radikal.

Tuntutan dan Pergerakan AOC

Berikutnya penubuhan secara rasmi pada Disember 2015, AOC telah menetapkan matlamat mereka. Antaranya adalah menghapuskan helikopter Osprey yang mengeluarkan bunyi yang sangat kuat yang mengganggu kehidupan penduduk sekitar, memindah keluar MCAS Futenma dari Okinawa, menarik balik kebenaran pembinaan pangkalan tentera di Henoko yang diluluskan oleh Nakaima, membantu pemerintah Okinawa menyaman kerajaan pusat dalam isu berkaitan Henoko, memberi sokongan kepada aktivis yang mengadakan protes di Henoko, menganjurkan perhimpunan besar-besaran dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang masalah di Henoko di seluruh negara dan dunia.⁵⁰ Oleh itu dapat diringkaskan bahawa terdapat

dua perkara penting dalam tuntutan atas mereka. Pertama ialah menghapuskan helikopter Osprey dan kedua menentang pemindahan MCAS Futenma ke Henoko, tetapi sebaliknya keluar dari Okinawa. Bagi mencapai matlamat-matlamat ini mereka menjalani aktiviti seperti penganjuran perhimpunan besar besaran atau kecil-kecilan, penyebaran kesedaran kepada orang ramai tentang masalah Henoko dan tindakan undang-undang. AOC telah membuat pelbagai perancangan pergerakan yang boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya adalah melalui perundangan, demonstrasi dan kerjasama dengan penduduk tempatan serta antarabangsa. Walaupun AOC ditubuhkan secara rasmi pada Disember 2015, namun aktikel ini juga membincangkan aktiviti yang dilakukan sebelum penubuhan majlis tersebut secara rasmi kerana pada masa ini pergerakan mereka juga adalah atas nama All Okinawa.

Perundangan

Onaga yang dipilih sebagai gabenor Okinawa pada 2014 dan mengetuai AOC, telah meneraju penentangan rakyat dan mengkritik kerajaan pusat kerana mengabaikan suara penduduk Okinawa. Sebaik sahaja dipilih sebagai gabenor, Onaga telah mengadakan perjumpaan dengan Abe dan Ketua Setiausaha Kabinet Yoshihide Suga untuk meminta mereka membatalkan pembinaan pangkalan tentera. Walau bagaimanapun permintaan Onaga tidak berjaya yang membawa kepada penarikan balik kelulusan pembinaan pada 13 Oktober 2015 yang sebelum ini diluluskan oleh Nakaima.⁵¹ Alasan yang digunakan Onaga adalah kerana terdapat penyelewengan terdahulu dalam menilai kesan alam sekitar berbanding laporan yang diperolehi dari penilai lain yang dengan jelas mendapati pembinaan akan memberi kesan kepada hidupan di situ. Dengan penarikan balik kelulusan tersebut menjadikan kerja-kerja pembinaan menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun kerajaan pusat tetap menyambung kerja pembinaan kerana bimbang kemungkinan kelewatian dalam menyiapkan projek yang dirancang siap pada tahun 2022. Tambahan lagi kebenaran pembinaan telah diperoleh dari gabenor sebelumnya yang mengesahkan kerja-kerja pembinaan adalah tidak melanggar undang-undang dan pembatalan oleh Onaga adalah tidak sah. Berikutan penarikan balik kelulusan oleh gabenor Okinawa serta penyambungan kerja pembinaan yang diarahkan oleh kerajaan pusat membawa kepada beberapa siri saman menyaman antara kedua-dua pihak.

Pada November 2015, kerajaan Jepun memfailkan saman terhadap kerajaan Okinawa di Mahkamah Tinggi Fukuoka cawangan Naha dengan tujuan untuk mengesahkan permit menjalankan kerja-kerja pembinaan semula. Pihak Okinawa pula membala dengan memfailkan dua saman, termasuk salah satunya memansuhkan kerja pembinaan kerajaan pusat. Walau bagaimanapun pihak mahkamah mencadangkan penyelesaian di luar mahkamah dilakukan pada Mac 2016 dan kedua-dua pihak telah bersetuju.⁵²

Antara syarat penyelesaian termasuk menunggu sehingga pihak ketiga, iaitu Majlis Pengurusan Pertikaian Kerajaan Pusat dan Kerajaan Tempatan (Central and Local Government Dispute Management Council) membuat keputusan dan mematuhi apa-apa keputusan selepas itu. Namun, pada Jun 2016, badan tersebut tidak membuat keputusan, sebaliknya meminta perbincangan antara mereka dijalankan. Akhirnya jalan penyelesaian tidak tercapai.

Kerajaan pusat kemudiannya memfailkan saman di Mahkamah Agung supaya mengisyiharkan tindakan Onaga sebagai tidak sah dan akhirnya pada Disember 2016⁵³ keputusan dicapai yang memihak kepada kerajaan pusat.⁵⁴ Kerajaan Okinawa menarik balik pembatalan selaras dengan penghakiman tersebut tetapi apabila kerja penambakan bersambung semula, ia memfailkan saman baharu yang menuntut perintah injunksi untuk menggantung segera kerja yang sedang berjalan. Kerajaan pusat mengkritik tuntutan baharu itu sebagai tidak ada niat untuk mencari jalan penyelesaian. Kerajaan Okinawa mengambil pendirian bahawa keputusan mahkamah yang diselesaikan hanya penghakiman atas kelulusan penambakan dan masih ada prosedur mahkamah lain yang boleh diambil bagi menghalang kerja-kerja pembinaan.⁵⁵

Walaupun kerajaan Okinawa tewas dalam tuntutan mahkamah, namun Onaga yang menerajui prefektur tersebut dan mewakili rakyat melalui AOC tetap akan membatalkan kelulusan kerja pembinaan pangkalan tentera di Henoko. Jika pembatalan sebelumnya adalah disebabkan oleh kelemahan prosedur penilaian alam sekitar, namun Onaga akan mencari jalan menghentikannya dengan alasan seperti pelanggaran undang-undang yang serius oleh kerajaan pusat selepas kelulusan.⁵⁶ Oleh sebab itu terdapat kebimbangan kerajaan Jepun bahawa pertikaian perundungan akan berterusan selama-lamanya selagi Onaga kekal sebagai gabenor Okinawa.⁵⁷

Selepas kematian Onaga, pengganti beliau Denny Tamaki juga mengambil pendirian yang sama. Pada tahun 2018, Kementerian Pertahanan melancarkan operasi penambakan di laut Henoko dengan memasang pelampung penghalang untuk mengelakkan pencerobohan dalam zon pembinaan. Penyambungan kerja-kerja penambakan dijalankan apabila Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Keiichi Ishii meluluskan kepada Kementerian Pertahanan supaya kerja pembinaan disambung dan tidak mengiktiraf penarikan balik kelulusan oleh kerajaan tempatan Okinawa. Walau bagaimanapun Tamaki mengkritik tindakan kerajaan pusat sebagai tidak adil dan tidak mengambil kira pandangan mereka yang telah sekian lama menentang pemindahan pangkalan tentera ke Henoko.⁵⁸ Kerajaan prefektur sekali lagi memfailkan petisyen kepada Majlis Pengurusan Pertikaian Kerajaan Pusat dan Kerajaan Tempatan, supaya menjadi orang tengah dalam konflik antara kerajaan pusat dan tempatan untuk menilai kes.⁵⁹ Tamaki bertekad untuk secara berterusan menentang pembinaan sehingga pembinaan dan pemindahan pangkalan tentera baharu dibatalkan.

Demonstrasi

Seperti diterangkan di atas, pungutan suara yang dijalankan mendapati bahawa penentang rancangan pembinaan pangkalan tentera Henoko mencakupi 70 hingga 80 peratus penduduk Okinawa. Oleh itu seringkali berlaku demonstrasi berskala kecil atau besar di Ginowan, Henoko, Naha dan bandar sekitarnya. Contohnya pada 25 April 2010, 90,000 orang termasuk gabenor Okinawa Hirokazu Nakaima dan 41 datuk bandar menyertai demonstrasi. Manakala pada 1 Julai 2014, sebaik sahaja Amerika Syarikat mendapat kelulusan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan di Henoko, penduduk dan ahli politik tempatan mengadakan demonstrasi di hadapan pintu gerbang Kem Schwab yang terletak berhampiran tapak Henoko yang akan digabungkan sekiranya pembinaan siap kelak. Tujuannya adalah bagi menghalang kerja-kerja pembinaan. Penentang juga menggunakan bot dan kayak untuk menentang. Pada 7 November 2015, isteri Onaga, Mikiko melawat kem Schwab dan berucap dalam protes penduduk "*If my husband can't stop the base construction at Henoko with everything in his power as a governor, we'll come here and stage a sit-in.*"⁶⁰ Ucapan Mikiko menggambarkan bahawa mereka sanggup melakukan apa sahaja asalkan dapat menghalang pembinaan Henoko.

Selepas penubuhan rasmi AOC beberapa lagi siri demonstrasi telah dijalankan. Malahan pergerakan menjadi lebih sistematik dengan penyertaan pelbagai pihak, mengadakan lebih banyak tuntutan dengan pelbagai cara. Contohnya pada Jun 2016 seramai 65,000 orang termasuk Onaga dan parti pembangkang berdemonstrasi di Naha untuk memprotes kehadiran pangkalan tentera yang terlalu banyak di Okinawa dan jenayah rogol dan bunuh ke atas wanita Jepun berusia 20 tahun oleh bekas tentera marin Amerika Syarikat. Demonstrasi tersebut berakhir dengan tandatangan petisyen yang meminta kerajaan pusat dan Amerika Syarikat meminta maaf kepada seluruh penduduk Okinawa dan keluarga mangsa.⁶¹ Dalam demonstrasi ini juga AOC bukan sahaja mendesak projek Henoko dihentikan dan tanah Futenma dipulangkan tetapi juga buat pertama kali mendesak supaya semua pangkalan tentera seperti Kem Hansen, Kem Schwab dan kawasan latihan di wilayah utara dipindah keluar. Ini merupakan tuntutan baharu oleh AOC.

Manakala pada 11 Ogos 2018, 70,000 orang berdemonstrasi di Naha ibu prefektur Okinawa untuk menuntut pemberhentian rancangan pemindahan pangkalan tentera Amerika Syarikat ke Henoko. Demonstrasi tersebut juga turut memungut tandatangan yang mengatakan tidak kepada pembinaan pangkalan tentera baru di Henoko dan penduduk Okinawa tidak akan berputus asa menuntut apa yang diperjuangkan selama ini.⁶²

Kerjasama Penduduk Tempatan dan Antarabangsa

Sebelum penubuhan AOC secara rasmi, penduduk tempatan telah berusaha untuk menghalang pembinaan pangkalan Henoko dan selepas penubuhan kerjasama antara mereka menjadi lebih kukuh. Penyatuan mereka dapat ditunjukkan dalam beberapa siri pilihan raya tempatan dan pusat yang menyaksikan calon sokongan mereka memenangi banyak kerusi. Mereka juga bersatu dalam meluaskan penyebaran permasalahan pemindahan Henoko ke peringkat antarabangsa bagi mendapatkan sokongan.

Penyatuan dalam pilihan raya dapat dilihat pada Disember 2014 di mana empat kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan Dewan Rendah tidak dimenangi satu pun oleh parti kerajaan, sebaliknya semua calon yang menyokong pemindahan keluar Futenma dari Okinawa memenanginya.⁶³ Walau bagaimanapun kemenangan Onaga dalam pilihan raya gabenor Okinawa pada November 2014 menewaskan penyandang kerusi, Nakaima lebih mendapat perhatian. Onaga yang memperjuangkan slogan All Okinawa mendapat sokongan majoriti penduduk yang bersatu menentang pembinaan Henoko. Onaga dalam kempennya merayu supaya menghentikan pembinaan pangkalan tentera⁶⁴ dan menghapuskan helikopter Osprey milik tentera marin Amerika Syarikat yang dianggap sebagai penghalang terbesar pembangunan Okinawa. Kemenangan Onaga yang mendapat undi dua pertiga dari penduduk menjadi referendum penduduk untuk menolak pembinaan pangkalan tentera di Okinawa.

Pada tahun 2016, terdapat tiga pilihan raya penting iaitu pilihan raya datuk bandar Ginowan pada 24 Januari di mana penyandangnya Atsushi Sakima yang mendapat sokongan dari LDP dan parti komponen dalam kerajaan campurannya, Komeito telah dipilih semula. Walaupun Sakima menegaskan untuk menutup MCAS Futenma dalam jangka masa tiga tahun setelah dipilih, tetapi beliau tidak dapat menjelaskan di mana lokasi pemindahannya. Manakala dalam pilih raya Dewan Perwakilan Okinawa pada 5 Jun, jumlah calon yang menang dari kalangan penyokong anti pangkalan tentera meningkat dari 23 kepada 27. Oleh itu mereka telah menguasai dewan lebih separuh dari 48 kerusi keseluruhannya. Manakala pilihan raya Dewan Tinggi yang diadakan pada 10 Julai lebih bermakna. Persaingan antara Yoichi Iha yang mendapat sokongan dari AOC menentang Aiko Shimajiri iaitu Menteri di Kementerian Negara untuk Okinawa dan wilayah Utara yang disokong oleh LDP. Kemenangan besar Iha dengan hampir 100 ribu undi menunjukkan sokongan padu kepada calon anti pangkalan.

Berikutan kematian Onaga pada 8 Ogos 2018 akibat barah, Denny Tamaki yang merupakan penentang tegar⁶⁵ pemindahan Henoko telah bertanding bagi kerusi tersebut pada 20 November 2018.⁶⁶ Tamaki disokong oleh parti pembangkang termasuk Parti Komunis Jepun, AOC dan kumpulan peniaga menewas calon yang disokong oleh parti pemerintah LDP⁶⁷ dan

Komeito,⁶⁸ Atsushi Sakima yang juga merupakan bekas datuk bandar Ginowan. Walaupun Sakima dibantu oleh ramai nama besar dalam LDP semasa berkempen tetapi beliau mudah ditewaskan Tamaki. Tamaki berkempen untuk meneruskan kerja-kerja penentangan Onaga untuk tidak memindahkan MCAS Futenma ke Henoko dan tiada pembinaan pangkalan tentera baharu di Okinawa.⁶⁹ Ini merupakan faktor peningkatan jumlah undi kepada beliau. Manakala Sakima pula mengelakkan diri dari berbincang berkaitan Henoko, tetapi hanya menyerahkan kepada keputusan mahkamah.⁷⁰ Sakima lebih menumpukan agenda pembangunan ekonomi dalam kempen pilihan raya ini. Dari pilihan raya yang diadakan yang menyaksikan kemenangan berpihak kepada anti-pangkalan tentera yang juga menunjukkan majoriti rakyat menolak pemindahan MCAS Futenma ke Henoko.

Penyatuan penduduk juga dapat dilihat di mana penduduk tempatan, peniaga dan ahli politik melancarkan Tabung Henoko pada 9 April 2015 bagi membantu aktiviti penentangan pembinaan di Henoko. Pemimpin perniagaan yang menyokong penubuhan tabung ini adalah Morimasa Goya (Kanehide Holdings), Choei Taira (Kariyushi Group) dan Tokumatsu Nagahama (Okinawa Ham) serta bekas datuk bandar Kadena, Miyagi Tokujitsu selain ahli politik peringkat kerajaan tempatan.⁷¹ Antaranya untuk membiayai aktiviti pengumpulan petisyen yang mendesak supaya pembatalan pembinaan pangkalan tentera, menarik balik penggunaan helikopter Osprey dan memindah keluar MCAS Futenma. Tabungan itu juga digunakan untuk membiayai perjalanan aktivis dengan bas ke Henoko untuk menunjukkan keadaan sebenar tapak pembinaan, pengiklanan pandangan mereka di akhbar-akhbar di Jepun dan Amerika Syarikat serta aktiviti lain yang memerlukan dana. Petisyen yang dikumpulkan kemudiannya diserahkan kepada kongres Amerika Syarikat, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan media asing supaya mereka mengetahui suara majoriti penduduk Okinawa.

Pada Februari 2016 AOC telah menyerahkan laporan kepada PBB berkaitan pelanggaran hak asasi manusia di sana. Ianya berkaitan beberapa siri penangkapan, penahanan dan kecederaan penunjuk perasaan. Laporan mendedahkan bahawa polis menahan mereka dan dimasukkan ke dalam kandang besi dan kenderaan polis. Di laut pula penunjuk perasaan dan wartawan dalam kayak dan bot kecil telah dikenakan tindakan ganas oleh Pengawal Pantai Jepun (JCG). Mereka ditangkap, bot mereka dirosakkan dan sengaja diterbalikkan. JCG juga menggunakan kekerasan yang berlebihan, termasuk menyembur air kepada penunjuk perasaan.⁷² Polis dan JCG juga merakam video penunjuk perasaan dan wartawan, mengenal pasti dan mengancam mereka. Hasilnya beberapa tahun-tahun kebelakangan ini, atas permintaan AOC, Majlis Hak Asasi Manusia PBB telah terlibat dalam komunikasi dengan kerajaan Jepun, bertanya tentang kekerasan, gangguan, penangkapan sewenang-wenang penunjuk perasaan di Okinawa. Walau bagaimanapun kerajaan Jepun menegaskan bahawa mereka telah memastikan

pihak polis dan JCG menggunakan prosedur operasi standard yang ditetapkan berdasarkan tugas-tugas organisasi polis, iaitu, melindungi kehidupan dan harta serta menjaga keselamatan dan ketenteraman rakyat.

Selain itu, pada 21 September 2015, International Movement Against All Forms of Discrimination and Racism (IMADR), bersama AOC dan Franciscans International mengadakan acara “Militarization and Human Rights Violations in Okinawa, Japan”. Dalam majlis tersebut Onaga menekankan kenyataan bahawa penduduk Okinawa tidak secara rela menyerahkan tanah mereka bagi pembinaan pangkalan tentera Amerika Syarikat. Beliau juga mengkritik kerajaan Jepun kerana mengabaikan kehendak kolektif rakyat Okinawa yang menentang pembinaan pangkalan tentera baharu di Henoko. Manakala pada 22 September 2015, Onaga menyampaikan ucapan dua minit berkaitan hak asasi penduduk Okinawa di UN Human Rights Council (UNHRC). Seperti ucapan-ucapan sebelumnya, Onaga mengkritik pembinaan pangkalan tentera Amerika Syarikat di Henoko dan mendesak supaya MCAS Futenma dipindah keluar dari Okinawa.

AOC juga menghantar misi ke luar negara bagi menyampaikan mesej penduduk. Contohnya mengadakan perjumpaan dengan APALA (Asia Pacific American Labor Alliance) Alameda Chapter dan National Executive Board di Oakland, Amerika Syarikat pada 15 November 2015. Selepas perjumpaan tersebut, wakil dari AOC dan APALA's National Executive Board membuat resolusi untuk menyokong penduduk Okinawa untuk menentang pembinaan pangkalan tentera di Henoko. APALA juga menunjukkan komitmen untuk bersoladiriti untuk melobi kepada kongres Amerika dan menyebarkan kesedaran untuk menghentikan pembinaan pangkalan tentara di Henoko.

Manakala pada 19 dan 20 November 2015 delegasi yang terdiri dari 26 orang ahli AOC yang diketuai oleh Morimasa Goya telah melawat ke Washington, Amerika Syarikat untuk menyampaikan mesej penentangan penduduk terhadap pembinaan di Henoko. Delegasi mengadakan perbincangan dengan beberapa orang ahli kongres dan kakitangan serta mengadakan taklimat di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat pada 19 November yang dibuka kepada orang awam. Delegasi berhujah bahawa pembinaan pangkalan tentera akan merosakkan alam sekitar termasuk batu karang dan dugong.⁷³ Misi mereka juga adalah untuk menerangkan mengapa Onaga menarik balik kebenaran menambak di Okinawa serta untuk membawa pihak bertanggungjawab di Amerika Syarikat melawat dan menyaksikan sendiri keadaan di Okinawa.⁷⁴ Pada hari yang sama delegasi mengadakan mesyuarat dengan pertubuhan sivil tempatan, menayang dokumentari Okinawa: The Afterburn yang menggambarkan secara komprehensif pertempuran Okinawa dan 70 tahun pendudukan tentera Amerika Syarikat supaya mereka lebih memahami isu yang berlaku di Okinawa. Mereka juga berbincang bagaimana untuk menyokong anti-pangkalan tentera termasuk mengukuhkan ikatan dengan media Amerika Syarikat supaya melaporkan isu-isu berkaitan Henoko.⁷⁵ Pada September

2015 Majlis Perbandaran Berkeley, California meluluskan resolusi menentang pembinaan Henoko dan mereka meminta beberapa lagi majlis perbandaran seperti San Francisco untuk menyokong mereka.⁷⁶ Kemudiannya Delegasi juga mengadakan perhimpunan kecil di depan White House dan meminta sokongan dari organisasi tempatan untuk bersama-sama menentang perluasan pangkalan tentera Amerika Syarikat di Okinawa.⁷⁷ Langkah ini adalah penting bagi menunjukkan solidariti rakyat terhadap penentangan tersebut dan seterusnya menghantar mesej kepada kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun tentang penolakan tersebut. Kesan akhir yang diharapkan adalah penutupan MCAS Futenma di Ginowan dan membatalkan pemindahan ke Henoko.

Manakala Suzuyo Takazato yang merupakan antara pemimpin penting AOC telah anugerahkan Seán MacBride Peace Prize di Barcelona, Sepanyol pada 24 November 2017.⁷⁸ Takazato yang menerima hadiah tersebut kerana aktiviti menentang pembinaan Henoko dalam ucapanya berharap yang anugerah tersebut akan membantu lebih ramai orang mengetahui tentang Okinawa dan mencabar persekutuan Amerika Syarikat dan Jepun serta membawa kerjasama antarabangsa untuk menghentikan pembinaan di Henoko. Anugerah yang diterima juga menunjukkan pengiktirafan di atas perjuangan beliau dan AOC dalam menghapuskan pangkalan tentera di Okinawa.

Analisis

Lebih 20 tahun sejak kerajaan Jepun dan Amerika Syarikat bersetuju untuk memulangkan sepenuhnya tanah MCAS Futenma kepada kerajaan Okinawa dengan digantikan pangkalan baharu di Henoko. Halangan utama untuk menyelesaikan isu ini adalah dari segi kesesuaian tapak dan kesediaan penduduk menerima pangkalan tentera. Isu ini tidak diselesaikan sehingga sekarang kerana perbezaan pendapat antara kerajaan Jepun dengan kerajaan prefektur Okinawa. Penentangan bertambah kuat apabila AOC yang ditubuhkan pada akhir tahun 2015 sependapat dengan kerajaan Okinawa. Oleh itu mereka saling sokong menyokong antara satu sama lain bagi menjayakan usaha pemindahan keluar MCAS Futenma dari Okinawa dan pada masa yang sama menggagalkan pembinaan pangkalan baharu di Henoko.

Usaha yang dilakukan melalui perundangan, penyebaran maklumat berkaitan permasalahan Okinawa ke seluruh dunia dan melalui demonstrasi menampakkan hasil kerana sehingga sekarang pangkalan tentera Henoko masih lagi dalam fasa pembinaan dan kemajuannya adalah sangat perlahan berikutan tekanan dari dalam dan luar negara. Walaupun pembinaan tetap berjalan tetapi usaha AOC adalah dengan mengganggu pembinaan yang membawa kepada kelambatan penyiapan projek. Perkara ini akan terus berlanjutan sehingga kerajaan Jepun akhirnya menghentikan pembinaan baharu tersebut. Dari laporan Ryukyu Shimpo menyatakan bahawa tempoh menyiapkan projek pembinaan telah dianjakkan dari tahun 2022 ke tahun 2032. Walaupun alasan

yang diberi adalah kerana terdapat masalah dalam pembinaan di dasar laut, tetapi ia juga satu kejayaan bagi AOC.⁷⁹

Walau bagaimanapun selagi pemindahan ke Henoko tidak dijalankan maka MCAS Futenma akan terus kekal di Ginowan. Kedudukan Ginowan bersebelahan ibu kota prefektur Okinawa iaitu Naha telah membantutkan perkembangan ekonomi prefektur tersebut sehingga menjadikan ia sebagai paling miskin di Jepun. Kedudukannya di kawasan berpenduduk padat yang berbahaya juga tidak dapat diselesaikan. Sekiranya pangkalan tersebut dikembalikan kepada pemilik asal, maka banyak masalah dapat diselesaikan. Malah, lebih banyak projek pembangunan ekonomi dapat dijalankan berikutan kedudukannya yang strategik. Oleh itu adalah penting supaya kerajaan pusat dan kerajaan prefektur Okinawa secara konsisten mencari titik persamaan antara mereka, terutamanya melalui dialog. Pada masa yang sama adalah penting untuk mereka mengurangkan beban yang keterlaluan ke atas Okinawa yang menjadi tuan rumah kepada pangkalan tentera dengan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Amerika Syarikat.

Pada masa sekarang, masing-masing tetap dengan pendirian iaitu kerajaan Jepun dengan persediaan untuk kerja-kerja penambakan di Henoko seperti pemasangan pelampung untuk mencegah kemasukan penceroboh ke zon pembinaan. Manakala penentang pula secara konsisten menjalankan aktiviti protes di sekitar tapak tersebut. Kerajaan pusat dijangka akan meneruskan kerja penambakan itu sambil mengelakkan ketegangan yang mengancam keselamatan penduduk. Walau bagaimanapun kerajaan pusat perlu terus memperkuat usaha untuk mendapatkan pemahaman rakyat tentang kerja penempatan semula pangkalan tentera Amerika Syarikat dari pentadbir prefektur yang dipimpin oleh Tamaki. Ia amat diperlukan bagi kerajaan pusat dan prefektur untuk terus mencari persetujuan.

Bagi kerajaan Okinawa, terutamanya gabenor prefektur tersebut, Denny Tamaki perlu menyedari kedudukannya sebagai ketua di Okinawa. Tugas gabenor adalah berbeza dengan anggota pembangkang yang memerlukan beliau bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi membawa pembangunan ke Okinawa. Beliau perlu mempromosikan langkah-langkah komprehensif untuk meningkatkan pendapatan penduduk prefektur dan mengembangkan peluang pekerjaan di sana. Oleh itu penyelesaian segera konflik antara mereka adalah tidak dapat dielakan demi kebaikan bersama.

Kesimpulan

Kekuatan AOC datangnya dari penduduk di prefektur tersebut yang bersatu menolak pemindahan MCAS Futenma dari Ginowan ke Henoko. Kumpulan ini dianggap sebagai kuat memandangkan ia mempunyai objektif yang kukuh yang boleh menyatukan ahlinya serta boleh digerakkan untuk menjalankan sesuatu yang diarahkan oleh pemimpin. Mereka mempunyai peranan masing-

masing tidak kira besar atau kecil bagi menjayakan matlamat kumpulan. Contohnya adalah seperti mengambil bahagian dalam mengundi calon yang disokong dalam pilihan raya peringkat tempatan atau persekutuan, menjalankan demonstrasi berterusan serta menyumbangkan dana untuk pergerakan tersebut. Pendek kata mereka sanggup melakukan apa sahaja, dari membantu berkempen semasa pilihan raya, menderma wang dan tenaga bagi menggerakkan organisasi, berdemonstrasi di merata tempat hingga menyumbangkan kepakaran yang ada.

Keseluruhannya kejayaan AOC adalah menyebarluaskan masalah yang membenggu penduduk Okinawa supaya diketahui oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Mereka membuktikan bahawa berlakunya ketidakadilan terhadap mereka berbanding penduduk di prefektur-prefektur lain di Jepun. Caranya adalah melalui berdemonstrasi, membuat petisyen, perundangan, lawatan keluar negara dan sebagainya. Kesan dari aktiviti ini ialah melambatkan pembinaan pangkalan tentera tersebut dan diharapkan pada suatu hari nanti atas usaha yang berterusan akan membawa hasil dengan pemindahan keluar MCAS Futenma dari Okinawa dan bukannya di Henoko.

Nota Akhir

1. Taguchi, F, “Pressure Groups in Japanese Politics”, *The Developing Economies*, 6(4), 1968, hlm. 476.
2. Ibid.
3. Daiki, S., “The Yasukuni Shrine Dispute and the Politics of Identity in Japan: Why All the Fuss?”, *Asian Survey*, 45(2), 2005, hlm. 200.
4. Ibid. 203.
5. Biid. 204.
6. Wright, A., Okinawa Delegation in Washington to Challenge Construction of U.S. Marine Air Base Runway. *World Beyond War.org*, 18 November, 2015
7. Feifer G., “The Rape of Okinawa”. *World Policy Journal*, 17(3), 2000.
8. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi. 2013/2014. “The Issue of The Marine Corps Air Station Futenma’s Relocation during the Administration of the Democratic Party of Japan”. *International Journal of East Asian Studies*, 3(1).
9. Jin, P., “The All Okinawa Movement: Political and Legal Implications of the Okinawan Protest against the US Bases”. *Journal of East Asia and International Law*, 9(2), 2016.
10. Yoshikawa, H., “Okinawa Update: Opposition to the Construction of a New U.S. Base at Henoko and the Responsibility of the U.S”. *The Asia-Pacific Journal*, 14(2), 2016.
11. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Tan SK., 2013/2014. “The Issue of

- Japan’s Marine Corps Air Force Station Futenma’s Relocation and the Fall of Hatoyama”, *International Journal of East Asian Studies*, 3(2), hlm. 5.
12. Letman, J., Okinawans Want Their Land Back. Is That So Hard to Understand? *Truthout*, 8 June, 2015.
13. Ahn C., Okinawa: A Small Island Resists U.S. Military’s “Pivot to Asia”. *Foreign Policy in Focus*, 27 December, 2014.
14. Temubual dengan penduduk Okinawa pada 16 Disember 2013 di Naha, Okinawa.
15. Residents near Futenma Base Files Noise Lawsuit, *The Japan Times*, 9 November, 2012.
16. MCAS Futenma Noise Compensation Unchallenged, *The Japan Times*, 14 August, 2010.
17. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Tan Soo Kee, 2010, hlm 5.
18. Yoshida, R., MCAS Futenma Relocation has Certain Bidders Salivating. *The Japan Times*, 7 July, 2010.
19. The Cornerstone of Peace: Number of Names Inscribed. *Okinawa Prefecture*. Retrieved 29 August 2019.
20. Fisch, A., *Military Government in the Ryukyu Islands, 1945–1950*. Washington, D.C.: Center of Military History United States Army, 1988, hlm 165.
21. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, hlm. 1.
22. Yoshikawa, H., hlm 2.
23. 72% of Okinawa Voters Oppose Work Off Henoko for U.S. Base, *The Asahi Shimbun*, 25 February, 2019.
24. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Tan SK, hlm 7.
25. Letman, J., US Military Base Threatens Biodiversity in Okinawa, *Truthout*, 22 April, 2019
26. Land Reclamation in Okinawa Enters Next Stage at Henoko Relocation Site for U.S. Futenma Base. 2019, *The Japan Times*, 25 March.
27. Yoshikawa, H., hlm 5.
28. Dudden, A., Listen to the Governor of Okinawa, *Foreign Policy In Focus*, 26 November, 2018.
29. Yoshikawa, H., hlm 6. Rujuk juga Sidang Akhbar, Nature Conservation Society of Japan 辺野古／環境アセス後に判明した新たな事実を発表します(Henoko: Sidang Akbar Selepas Penilaian Alam Sekitar, Penemuan Realiti Baru. 2014.
30. Letman, J., US Military Base Threatens Biodiversity in Okinawa.
31. Mitchell, J, Contamination at Largest US Air Force Base in Asia: Kadena, Okinawa, *The Asia Pacific Journal* 14(1), 2016.
32. Ahn, C., Okinawa: A Small Island Resists U.S. Military.
33. Chamberlain, J., Never Bend: Thousands Protest New Air Base After

- Okinawa Switch. *Common Dreams*, 28 December, 2013.
34. Ibid.
35. Ibid.
36. Yoshikawa, H., hlm 1.
37. Ucapan Suzuyo Takazato di the Seán MacBride Peace Prize Ceremony Barcelona pada 24 November 2017.
38. Ibid.
39. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Tan, SK., hlm 2.
40. Ibid.
41. Mohd Ikkal Mohd Huda, The Development of Japan's International Human Security Diplomacy: Towards A "Normal" Country? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 45(1), 2018
42. Defence Chief Confirms Failure of Teapodong -2 Test, *The Japan Times*, 16 September, 2006
43. Branigan, T., North Korea Rocket Launch 'Fails', *The Guardian*, 5 April, 2009.
44. Muhamad Takiyuddin Ismail, "Bantuan Demokrasi Di Malaysia: Peranan Promoter Berprofil Rendah", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1), 2018.
45. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi & Mohd Ikkal Mohd Huda, 2017. Pemindaan Perkara 9 Perlumbagaan Jepun dalam Pentadbiran Shinzo Abe. *Akademika*. 87(3), halaman 151-162.
46. Thousands of Japanese Protest US Base Plan, 2009, *Reuters*, 8 November.
47. Ibid.
48. オール沖縄会議発足辺野古新基地阻止結束 1300人が気勢. 2015, *Okinawa Times*, 15 December. (AOC Dilancarkan: Penyatuan kepada Penentangan Pembinaan Pangkalan Tentera Baharu di Henoko Melibatkan 1300 Orang).
49. Yoshikawa, H., hlm 1
50. AOC Against Henoko Base Project Formed, *Yomiuri Shimbun*, 15 December, 2015.
51. 70,000 Rally in Okinawa over US Military Base Relocation. 2018, *Aljazeera*, 20 August.
52. Yoshikawa, H., 2018, hlm 2.
53. Suits to Block Henoko Base Project Definitively Shown to be Quixotic, *The Yomiuri Shimbun*, March 14.
54. Withdrawal of Henoko Landfill Approval Used Too Much for Political Purposes, *The Yomiuri Shimbun*, 28 July, 2018.
55. Henoko Litigation Battle Remains a Quagmire, *The Yomiuri Shimbun*, 27 September, 2017.
56. Steadily Advance Policy to Reduce Okinawa's Burden of Hosting

- Bases, *The Yomiuri Shimbun*, 10 August, 2018.
57. Withdrawal of Henoko Landfill Approval Used Too Much for Political Purposes, *The Yomiuri Shimbun*, 28 July, 2018.
58. Okinawa Prefectural Govts Must Persistently Discuss Futenma, *The Yomiuri Shimbun*, 2 November, 2018.
59. Ibid.
60. Jin, P., hlm 570.
61. One of Biggest Protests in Two Decades: Over 50,000 Okinawans Gather for Anti-US Military Rally, *RT.com*. 11 July, 2016.
62. 70,000 Rally in Okinawa.
63. Lower House Election: LDP Fails to Win Any Single-Seat Constituencies in Okinawa Pref., *The Yomiuri Shimbun*, 16 December, 2014.
64. Letman, J., Okinawans Want Their Land Back.
65. New Governor Must Remove Futenma Base Dangers, Work With Central Govt., *The Yomiuri Shimbun*, 1 October, 2018.
66. Okinawa Gubernatorial Candidates Must Compete on Policy Visions, *The Yomiuri Shimbun*, 14 September, 2018.
67. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Muhammad Danial Azman, 2019. “Jepun Vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 Dan 2018”. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(1).
68. Ibid.
69. Johnston, E, In Blow to LDP, Opponent of U.S. Base Relocation Plan Denny Tamaki Wins Okinawa Gubernatorial Race, *The Japan Times*, 1 October, 2018.
70. Questionable for Okinawa Govt to Inflame Hostility in Gubernatorial Race. 2018, *The Yomiuri Shimbun*, 2 September 2018.
71. Okinawans Launch ‘Henoko Fund’ to Block Base Construction, *Japan Press Co. Ltd*, 10 April, 2015.
72. Yoshikawa, H., hlm 2.
73. Wright, A.
74. All-Okinawa Council to Send Delegation to US on November 15 to Express Okinawan Opposition to New Base. 2015, *Ryukyu Shimpo*, 13 November.
75. Toiyama, S., AOC Delegates Strengthen Ties with Local US Civil Society and Convey Okinawa’s Situation. *Ryukyu Shimpo*, 19 November, 2015.
76. All-Okinawa Council to Send Delegation to US.
77. Wright, A.
78. Ucapan oleh Suzuyo Takazato di the Séan MacBride Peace Prize Ceremony Barcelona, November 24 2017.
79. Douglas CL., USMC’s Futenma Replacement Facility in Okinawa –

For How Long? *The Diplomat*, 4 January, 2020.

Rujukan

- 72% of Okinawa Voters Oppose Work Off Henoko for U.S. Base. 2019. *The Asahi Shimbun*. 25 February.
- 70,000 Rally in Okinawa Over US Military Base Relocation. 2018. *Aljazeera*, 20 August.
- Ahn C.. 2014. Okinawa: A Small Island Resists U.S. Military’s “Pivot to Asia”. *Foreign Policy in Focus*. 27 December.
- All Okinawa Council Against Henoko Base Project Formed. 2015. *The Yomiuri Shimbun*. 15 December.
- All-Okinawa Council to Send Delegation to US on November 15 to Express Okinawan Opposition to New Base. 2015. *Ryukyu Shimpō*. 13 November.
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, 2013/2014. “The Issue of The Marine Corps Air Station Futenma’s Relocation during the Administration of the Democratic Party of Japan”. *International Journal of East Asian Studies*, 3(1).
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2017. Pemindaan Perkara 9 Perlembagaan Jepun dalam Pentadbiran Shinzo Abe. *Akademika*. 87(3).
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Tan SK. 2013/2014. “The Issue of Japan’s Marine Corps Air Force Station Futenma’s Relocation and the Fall of Hatoyama”. *International Journal of East Asian Studies*, 3(2).
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Muhammad Danial Azman. 2019. “Jepun Vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 Dan 2018”. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(1).
- Chamberlain, J. 2013. Never Bend: Thousands Protest New Air Base After Okinawa Switch. *Common Dreams*, 28 December.
- Daiki, S., 2005. “The Yasukuni Shrine Dispute and the Politics of Identity in Japan: Why All the Fuss?”. *Asian Survey*, 45(2).
- Defence Chief Confirms Failure of Teapodong -2 Test. 2006. *The Japan Times*. 16 September.
- Dudden, A. 2018. Listen to the Governor of Okinawa, *Foreign Policy In Focus*, 26 November.
- Douglas CL. 2020. USMC’s Futenma Replacement Facility in Okinawa – For How Long? *The Diplomat*, 4 January.
- Feifer G. 2000. “The Rape of Okinawa”. *World Policy Journal*, 17(3).
- Fisch, A. 1988. Military Government in the Ryukyu Islands, 1945–1950. Washington, D.C.: Center of Military History United States Army.
- Govt Must Seek to Win Over Residents of Okinawa to Carry Out Henoko

- Landfill. 2018, *The Yomiuri Shimbun*, 24 June 24.
- Henoko Litigation Battle Remains a Quagmire. 2017. *The Yomiuri Shimbun*, 27 September.
- Jin, P. 2016. “The All Okinawa Movement: Political and Legal Implications of the Okinawan Protest against the US Bases”. *Journal of East Asia and International Law*, 9(2).
- Johnston, E. 2018. In Blow to LDP, Opponent of U.S. Base Relocation Plan Denny Tamaki Wins Okinawa Gubernatorial Race. *The Japan Times*, 1 October.
- Land Reclamation in Okinawa Enters Next Stage at Henoko Relocation Site for U.S. Futenma Base. 2019, *The Japan Times*, 25 March.
- Letman, J. 2019. US Military Base Threatens Biodiversity in Okinawa. *Truthout*, 22 April.
- Letman, J. 2015. Okinawans Want Their Land Back. Is That So Hard to Understand? *Truthout*, 8 June.
- Lower House Election: LDP Fails to Win Any Single-Seat Constituencies in Okinawa Pref. 2014, *The Yomiuri Shimbun*. 16 December.
- MCAS Futenma Noise Compensation Unchallenged. 2010. *The Japan Times*, 14 August.
- Mitchell, J. 2016. Contamination at Largest US Air Force Base in Asia: Kadena, Okinawa. *The Asia Pacific Journal*, 14(1).
- Mohd Ikbal Mohd Huda. 2018. “The Development of Japan’s International Human Security Diplomacy: Towards A “Normal” Country?”. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 45(1).
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2018. “Bantuan Demokrasi Di Malaysia: Peranan Promoter Berprofil Rendah”. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1).
- New Governor Must Remove Futenma Base Dangers. Work With Central Govt. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 1 October.
- Okinawa Gubernatorial Candidates Must Compete on Policy Visions. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 14 September.
- Okinawa Prefectural Govts Must Persistently Discuss Futenma. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 2 November.
- Okinawans Launch ‘Henoko Fund’ to Block Base Construction. 2015. *Japan Press Co. Ltd*, 10 April.
- One of Biggest Protests in Two Decades: Over 50,000 Okinawans Gather for Anti-US Military Rally. 2016, *RT.com*. 11 July.
- Questionable for Okinawa Govt to Inflame Hostility in Gubernatorial Race. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 2 September 2018.
- Taguchi, F. 1968. “Pressure Groups in Japanese Politics”, *The Developing Economies*, 6(4).
- Thousands of Japanese Protest US Base Plan. 2009. *Reuters*. 8 November.

- Gerakan Penentangan Pemindahan MCAS Futenma ke Henoko di Okinawa, Jepun Oleh All Okinawa Council Residents Near Futenma Base Files Noise Lawsuit. 2012. *The Japan Times*. 9 November.
- Steadily Advance Policy to Reduce Okinawa's Burden of Hosting Bases. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 10 August.
- Suits to Block Henoko Base Project Definitively Shown to be Quixotic. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, March 14.
- The Cornerstone of Peace: Number of Names Inscribed. *Okinawa Prefecture*. Retrieved Retrieved 29 August 2019.
- Toiyama, S. 2015. AOC Delegates Strengthen Ties with Local US Civil Society and Convey Okinawa's Situation. *Ryukyu Shimpo*, 19 November.
- Withdrawal of Henoko Landfill Approval Used Too Much for Political Purposes. 2018. *The Yomiuri Shimbun*, 28 July.
- Wright, A. 2015. Okinawa Delegation in Washington to Challenge Construction of U.S. Marine Air Base Runway. *World Beyond War.org*, 18 November.
- Yoshida, R. 2010. MCAS Futenma Relocation has Certain Bidders Salivating. *The Japan Times*, 7 July.
- Yoshikawa, H. 2016. "Okinawa Update: Opposition to the Construction of a New U.S. Base at Henoko and the Responsibility of the U.S". *The Asia-Pacific Journal*, 14(2).
- Ucapan oleh Suzuyo Takazato di Seán MacBride Peace Prize Ceremony Barcelona pada 24 November 2017.
- オール沖縄会議発足辺野古新基地阻止結束 1300人が気勢. 2015, *Okinawa Times*, 15 December. (All Okinawa Council dilancarkan: Penyatuan kepada Penentangan Pembinaan Pangkalan Tentera Baharu di Henoko Melibatkan 1300 Orang).
- 辺野古／環境アセス後に判明した新たな事実を発表します(Henoko: Selepas Penilaian Alam Sekitar, Penemuan Realiti Baru. 2014. (Sidang Akhbar oleh Nature Conservation Society of Japan).

Nota Biografi

Asmadi Hassan (madisan@um.edu.my) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya dan Sarjana dari Universiti Keio, Jepun. Bidang kepakaran beliau adalah politik dan pentadbiran Jepun

Rohayati Paidi (rohayatipaidi@um.edu.my) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya dan Sarjana dari Universiti Shiga, Jepun. Bidang kepakaran beliau adalah budaya dan masyarakat Jepun.